

KOMPLIKASI

- Kontraktur
- Keloid (parut tebal)
- Parut hipertrofi (parut timbul)



PENDIDIKAN KESIHATAN

PENJAGAAN LUKA

- Mandi menggunakan sabun yang lembut setiap hari.
- Keringkan kulit dengan tuala yang bersih
- Sapukan minyak, losyen atau krim yang disyorkan oleh pihak hospital
- Pastikan pakaian anda tidak terlalu ketat
- Jangan mandi dengan air terlalu panas
- Pastikan rumah cukup pengudaraan dan pengcahayaan

PENJAGAAN PARUT LUKA

- Parut tebal dikenali sebagai keloid dan hipertrofi
- Pakai pakaian tekanan seperti yang dinasihatkan
- Jangan biarkan parut luka terdedah kepada pancaran matahari kerana boleh menjadi hitam dan tebal




PEMAKANAN

- Makan makanan yang tinggi protein dan kalori seperti daging, ikan, ayam dan kekacang
- Lebihkan sayur-sayuran dan buah-buahan
- Minum air sekurang-kurangnya 8 gelas sehari




RAWATAN SUSULAN

- Patuhi temuan yang diberikan
- Datang segera ke hospital sekiranya anda mengalami
 - deman tinggi (lebih 38°C) yang kerap
 - sakit atau gatal yang berlebihan
 - luka yang berbau
 - terdapat nanah atau luka
 - terjadi keputihan pada luka



REHABILITASI

- Lakukan aktiviti harian seperti biasa di rumah
- Teruskan senaman untuk mengelakkan kontraktur



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**WAD RAWATAN KEBAKARAN,
HSNZ
EXT: 2783**

**KLINIK PLASTIK, HSNZ
EXT: 2546**

Di sediakan oleh: WAD RAWATAN KEBAKARAN, HSNZ
Versi : 2024



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

WAD RAWATAN KEBAKARAN



**HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
KUALA TERENGGANU**

2024



PENGENALAN

Melecur merupakan trauma yang boleh terjadi kepada sesiapa sahaja. Secara amnya, ramai mangsa melecur akan mengalami kecacatan fizikal yang kekal dan juga stress.

Melecur adalah kemusnahan tisu yang disebabkan oleh haba panas. Penyebab terbakar/ melecur ialah:



Bahan panas: Api, Air panas



Elektrik



Radiasi



Sentuhan



Bahan Kimia:
Asid/Alkali
yang pekat

RAWATAN KECEMASAN

Sekiranya anda mengalami luka terbakar/ melecur, langkah-langkah yang perlu anda lakukan adalah seperti berikut:

1. Alirkan air pada kawasan luka selama 20 minit.



2. Balut dengan kain bersih



3. Pergi ke hospital dengan segera untuk mendapatkan rawatan selanjutnya



**JANGAN SESEKALI
MENGUNAKAN BAHAN SEPERTI
UBAT GIGI, MENTEGA, KICAP,
TELUR, SUSU, TEPUNG DAN
SEBAGAINYA.**

RAWATAN DI HOSPITAL



- ✓ Jagaan perawatan
- ✓ Hidroterapi
- ✓ Pencucian luka
- ✓ Ubatan
- ✓ Pengurusan surgery (jika perlu)
 - Escharotomy
 - Tangetial Excision
 - Skin graft (penampalan kulit)
- ✓ Pemakanan

PENYEMBUHAN LUKA KEBAKARAN



Proses penyembuhan kulit akan mengambil masa yang lama sama ada beberapa bulan hingga beberapa tahun.

Proses tersebut boleh dilihat melalui warna dan ciri-cirinya iaitu kulit akan kelihatan seakan pudar kerana kehilangan pigmen.

Kulit juga mungkin akan menjadi lebih tebal dan hitam.